

Rabu, 13 Julai 2011

NASIONAL •

SUKAN

BB ONLINE

Rakyat bersyukur Oleh Hajah Saemah Zulkefli



Salah seorang pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Ali, menyembahkan sajak khas kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersempena ulangtahun Hari Keputeraan Baginda yang ke 65.



Baginda Sultan berkenan bersama-sama mengaminkan doa kesyukuran pengislaman Dayang Katherine anak Serai dan anak lelakinya Awang Tony kelmarin.

KUALA BELAIT, 12 Julai - Satu peristiwa bersejarah berlaku di Daerah Belait apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat untuk penyempurnaan penganugerahan anak-anak kunci kepada seramai lebih enam ratus orang penerimanya hari ini.

Majlis Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah Kembar dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga Daerah Belait telah diadakan di bangunan baru Pusat Persidangan Jalan McKeron dekat sini hari ini.

Penyerahan anak-anak kunci kepada seramai 650 orang peserta di bawah skim berkenaan merupakan yang terbesar pernah dilakukan sejak pelaksanaan Skim Rancangan Perumahan Awam di negara ini.

Keberangkatan Baginda Sultan ke Bangunan Pusat Persidangan telah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Menteri Pembangunan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi Haji Osman dan Pegawai Daerah Belait Awang Matusin OKS Haji Tuba.

Majlis Penganugerahan anak kunci pada hari ini kepada seramai 315 orang peserta yang menerima rumah jenis kembar dan 335 orang lagi penerima rumah jenis teres, dan jumlah tersebut adalah sebahagian daripada seramai 1,334 orang yang telah ditawarkan dan menerima tawaran mendapatkan rumah jenis kembar dan teres.

Majlis Penganugerahan hari ini sengaja dipilih bertepatan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke 65 tahun akan menjelang Jumaat ini.

Sejurus selepas berkenan menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah kembar dan teres Baginda Sultan kemudiannya berkenan berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Pandan C Awang Haji Affandy bin Awang Damit di No 7 Simpang 363-29-43 Rancangan Perumahan Negara Pandan.

Awang Haji Affandy sebelum ini bekerja sebagai Pegawai Pelajaran Kanan (Teknikal) merangkap Timbalan Pengetua Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kuala Belait telah dilantik menjadi Ketua Kampung pada 3 Januari 2009. Kampung Pandan C mempunyai keluasan 343.12 hektar, mempunyai sejumlah 1,154 buah bangunan, dengan keramaian penduduk sejumlah 7,500 orang dan jumlah rumah sebanyak 1,154 buah.

Kampung ini mempunyai sejumlah 205 orang yang menerima pencen tua, sementara dua orang menerima pencen buta, enam orang menerima pencen gila, 10 orang penerima pencen cacat dan 32 orang penerima bantuan kebajikan serta 39 orang anak-anak yatim, selain fakir miskin yang berdaftar seramai tiga ketua keluarga dan tujuh orang tanggungan.

Setakat ini Kampung Pandan C aktif dengan pengeluaran produk-produk kampungnya seperti Kerisik Kelapa, Bawang Goreng dan Lada Boh Pandan yang diusahakan bersama oleh ahli-ahli Biro Wanita MPK Kampung Pandan C.

Kampung ini mempunyai beberapa kemudahan termasuk Jalan Raya, Masjid RPN Kampung Pandan, Taman Lagoon, Gelanggang Skate Board terletak di Taman Lagoon, Bangunan Perpustakaan, Mess Pegawai British Force Brunei, Perumahan Polis Diraja Brunei, Perumahan British Force Brunei, Perumahan Pegawai dan kakitangan Kerajaan Pandan 8, Taman Permainan Flat Jalan Pandan 8 dan rumah-rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara.

Baginda Sultan kemudiannya turut berkenan berangkat melawat ke Sekolah Menengah Sayyidina Ali terletak di Jalan Singa Menteri Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan. Sekolah ini telah mencatatkan sejarah pada 10 April 1997 apabila Pusat Tingkatan Enam yang pertama di Daerah Belait telah ditubuhkan, dengan pelajar-pelajar sekolah tersebut mempunyai beberapa kemudahan termasuk sebuah blok pentadbiran, blok perpustakaan, blok dewan serba guna, dewan makan, blok Sains termasuk bilik AVA, blok teknikal dan tiga buah blok bilik darjah.

Pada masa ini organisasi pentadbiran sekolah tersebut adalah di bawah Cikgu Annie Anak Sindai selaku Pengetua bersama dua orang Timbalan Pengetuanya Cikgu Osman bin Rajab selaku Timbalan Pengetua Akademik dan Timbalan Pengetua Pentadbiran Cikgu Dayangku Mas Juleana Pengiran Abd Rahman, dengan keramaian penuntut 1,284 orang sehingga bulan Mac 2011 terdiri daripada pelajar-pelajar dalam Tahun 7 hingga Pra U2, manakala tenaga pengajar seramai 117 orang.

Dari sekolah tersebut Baginda Sultan kemudiannya berkenan berangkat pula melawat ke rumah contoh di alamat No 1 Simpang 32 Jalan Parak. Rumah contoh adalah rumah yang telah digunakan semasa berlangsungnya Pameran Rumah yang diadakan selama dua minggu bermula 14 Jun lalu anjuran BEDB, bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan di kalangan bakal-bakal pemilik rumah dan orang ramai tentang pemilihan perabot dan hiasan rumah yang bersesuaian mengikut bentuk dan saiz rumah tersebut.

Dari sana Baginda Sultan telah berkenan pula berangkat melawat beberapa buah rumah peserta-peserta penerima anak-anak kunci jenis kembar dan juga jenis teres. Semasa keberangkatan Baginda Sultan di salah sebuah rumah jenis teres kepunyaan Awang Daraman Anak Igol, Baginda juga telah berkenan menyaksikan Majlis Pengislaman ke atas seramai tiga orang anak pemilik rumah tersebut.

Baginda Sultan juga turut berkenan berangkat ke rumah-rumah penerima yang menjunjung Baginda untuk melawat rumah-rumah mereka sebelum dijunjung untuk berangkat Santap di Dewan Santap Jalan Maulana dekat sini.

Sebagai menyokong dan komited dengan titah Baginda yang mahu melihat setiap rakyat Baginda mempunyai rumah sendiri, BEDB telah mengorak langkah untuk membukakan tawaran skim pembinaan 2,000 unit rumah di atas tanah seluas kira-kira 180 hektar di Kampung Panaga Daerah Belait.

Projek Skim Perintis tersebut merupakan yang pertama terpantas dilakukan di negara ini untuk memenuhi keperluan menempatkan pemohon-pemohon yang terlalu lama menunggu giliran untuk mendapatkan rumah melalui kaedah pembinaan rumah sejumlah 400 buah rumah dalam masa setahun sebelumnya.

Tempoh menunggu RPN berjaya disingkatkan

Oleh Hajah Saemah Zulkefli



Suasana sekitar Majlis Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah Kembar dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga Daerah Belait oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KUALA BELAIT, 12 Julai - Majlis Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah Kembar dan Rumah Teres di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panaga Daerah Belait hari ini mengukir satu lembaran pencapaian kemajuan, di mana tempoh menunggu para pemohon dahulunya memakan masa sekitar 15 hingga 20 tahun, kini berjaya disingkatkan.

Kali ini segelintir daripada penerima hanya menunggu giliran mereka dalam jangka masa sekitar 10 tahun sahaja dan peserta-peserta kali ini merupakan mereka yang memohon Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati bagi Daerah Belait yang

telah diperkenankan terdiri daripada mereka yang memohon dalam tahun 1993 hingga 2003 bagi Skim Rancangan Perumahan Negara dan permohonan tahun 1984 hingga 1994 bagi yang mengikuti Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

Pembinaan Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga merupakan projek yang diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) yang telah diamanahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membina sejumlah 2,000 unit rumah.

BEDB dalam projek tersebut telah melantik Syarikat Bina Puri Sdn Bhd untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaannya yang telah bermula pada bulan April 2009 dan telah siap pada April 2011 lalu dengan hanya mengambil tempoh selama 24 bulan.

Sementara itu pada 30 Jun lalu Skim Pilot Pembinaan 2,000 unit rumah telah pun diserahkan secara rasminya kepada Jabatan Kemajuan Perumahan yang telah disaksikan oleh Menteri Pembangunan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi Haji Osman dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) pada majlis yang diadakan di Dewan Bertabur Kementerian Pembangunan.

Daripada 2,000 unit rumah tersebut, sejumlah 800 unit merupakan rumah jenis kembar (semi detached) dan selebihnya sejumlah 1,200 unit adalah rumah jenis teres, dengan keluasan lantai bagi rumah jenis kembar 131.1 meter persegi dan seluas 127.5 meter persegi bagi rumah teres.

Selain merupakan yang pertama di negara ini, kawasan perumahan tersebut telah menggunakan Sistem Pembetulan Vakum dan penyediaan kabel gantian optik ke atas rumah-rumah di sana, sementara itu harga rumah telah ditawarkan kepada pemohon adalah \$62,000 bagi rumah jenis kembar dan \$45,000 bagi rumah teres sudut tepi dan \$43,000 bagi rumah teres pertengahan.

Dalam perancangan penghasilan rumah dan lot sehingga 2014 sejumlah 17,500 unit rumah dan lot akan dibina, ini termasuk jumlah rumah yang dibangunkan oleh BEDB dan projek perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang dibina oleh Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Kerja Raya.

Daripada jumlah tersebut sejumlah 2,911 unit rumah dan lot telah siap dan sejumlah 1,561 unit rumah dan lot telah diperuntukkan kepada pemohon-pemohon, bagi Daerah Belait jumlah keseluruhan penghasilan rumah menjelang 2014 adalah sejumlah 3,970 unit rumah dan lot yang dibangunkan, 334 unit di Kampung Lorong Tengah Seria, 1,494 unit di Kampung Lumut Sungai Liang, 142 unit rumah di Kampung Mumong dan 2,000 unit di Kampung Panaga.